



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM DANA MODUL PENGAJARAN (SDMP) UMS SIRI 2/2025

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Penghasilan penerbitan adalah salah satu parameter yang dapat mengukur pencapaian keserjanaan para akademik di sesebuah universiti. Amnya, lebih banyak penerbitan yang dihasilkan, maka lebih tinggilah tahap keserjanaan para pensyarah.
- 1.2 Sehubungan itu, Yang Berbahagia Prof. Datuk Kasim Hj. Mansor, Naib Canselor UMS menerusi Amanat Naib Canselor pada 22 Februari 2024 telah mengumumkan program '1 Program 1 Buku' yang akan diuruskan oleh Penerbit UMS.
- 1.3 Program ini juga adalah bagi menyahut seruan Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi dalam ucapan beliau pada Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi pada 13 Januari 2024.

Beliau menyeru;

Pertama: Penghasilan, penjilidan dan penerbitan korpus ilmu mengikut disiplin dan kebitaraan institusi. Perbukuan dan penerbitan adalah lambang keunggulan institusi pendidikan tinggi, manakala penjilidan korpus dan leksikon pula adalah simbol ketekunan akademik.

- 1.4 Justeru, pelaksanaan projek ini adalah bertepatan pada masanya di samping dapat meningkatkan jumlah penerbitan UMS sempena sambutan ulang tahun UMS ke-30.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 UMS wajar merencanakan penerbitan buku selari dengan fungsi universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan penyelidikan. Penerbitan ini amat signifikan terhadap keperluan ilmu.
- 2.2 Bagi meningkatkan jumlah penerbitan universiti.

- 2.3 Menggalakkan budaya menulis dalam kalangan kakitangan akademik UMS.

3.0 SYARAT UMUM

- 3.1 Setiap program di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut akan menghasilkan modul pengajaran yang akan diterbitkan oleh Penerbit UMS.
- 3.2 Penerbitan modul pengajaran adalah tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan syarat-syarat di Dasar Penerbitan Ilmiah UMS. Semua modul akan diterbitkan dalam bentuk bercetak.
- 3.3 Jenis penerbitan yang diterima adalah modul pengajaran yang akan digunakan dalam program kursus.

4.0 SYARAT-SYARAT PENYERAHAN MANUSKRIP

- 4.1 Terbuka kepada semua kakitangan akademik UMS. Kakitangan akademik bukan UMS boleh menjadi penulis bersama dengan syarat keperluan modul adalah memenuhi keperluan di universiti penulis bersama.
- 4.2 Berstatus aktif iaitu masih berkhidmat dengan UMS, sama ada berjawatan tetap atau kontrak tanpa mengira baki tempoh perkhidmatan.
- 4.3 Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UMS mestilah sudah dinilai dan diperakukan di peringkat Fakulti/Akademi/Pusat/Institut, lengkap, kemas, bersih dan selaras.
- 4.4 Manuskrip mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 100 halaman hingga 200 halaman.
- 4.5 Kandungan manuskrip mesti mempunyai kaitan dengan program yang terdapat di Fakulti/Akademi/Pusat/Institut.
- 4.6 Pengarang tidak boleh melebihi lapan orang.
- 4.7 Manuskrip ditulis dalam satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 4.8 Fakulti/Akademi/Pusat/Institut boleh menghantar lebih daripada satu manuskrip dalam satu masa setelah diperakukan.

- 4.9 Manuskrip yang dihantar akan diterbitkan pada tahun semasa atau tahun berikutnya bergantung dengan tempoh penerbitan seperti yang dinyatakan dalam Carta Alir iaitu 60 hari.
- 4.10 Manuskrip akan diterbitkan dalam format hitam putih sahaja dengan saiz 6"x 9". Spesifikasi selain daripada yang ditetapkan perlu membuat permohonan kelulusan dengan Penerbit UMS.

5.0 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan adalah RM10,000.00 sahaja bagi setiap permohonan SDMP dan tertakluk kepada jenis perkhidmatan dalam tempoh enam bulan seperti berikut:

Vot	Jenis Perkhidmatan	Jumlah Siling (RM)
29000	Honorarium untuk pembantu (selain daripada penulis) untuk menyediakan manuskrip buku.	2,000.00
29000	Pembayaran untuk proses pewasitan, penyuntingan, reka letak dan sebagainya.	3,000.00
27000	Percetakan naskah pukal.	5,000.00

6.0 TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Penulis perlu menyerahkan manuskrip menggunakan **Borang Penyerahan Manuskrip (Skim Dana Modul Pengajaran)**.
- 6.2 Penerimaan manuskrip bermula pada Mei 2025 dan sepanjang tahun tertakluk kepada takwim penerbitan buku tahun 2025.

TAKWIM PENERBITAN BUKU TAHUN 2025

Bulan	Perkara	
	Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP)	Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB)
Januari		
Februari		
Mac	Permohonan Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 2/2025	Permohonan Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 3/2025
April		
Mei	Tawaran Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 2/2025	Tawaran Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 3/2025
Jun	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Julai	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Ogos	Permohonan Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 3/2025	Permohonan Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 4/2025
September		
Oktober	Tawaran Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 3/2025	Tawaran Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 4/2025
November	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Disember	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku

7.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SKIM DANA MODUL PENGAJARAN (SDMP)

